

# PELITA



# BRUNEI

## AKHBAR RASMI KERAJAAN NEGERI BRUNEI DI-TERBITKAN PADA TIAP<sup>2</sup> HARI RABU

TAHUN 11 BILANGAN 38 RABU 21 September, 1966.

ربيع ٥ جماد الآخر ١٣٨٦

PERCHUMA

# ISTIADAT PERBARISAN HARI JADI D.Y.M.M. DI-BANDAR BRUNEI

**BANDAR BRUNEI.** Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Maulana Al-Sultan, Sir Omar Ali Saifuddin akan berchemar Duli ka-Istiadat Perbarisan Sambutan Hari Keputeraan Baginda kali yang ke-50 di Bandar Brunei pada pagi hari Juma'at 23 September, 1966.

Pasukan2 yang akan mengambil bahagian dalam Istiadat Perbarisan itu ia-lah: Askar Melayu Di-Raja Brunei, Pulis Di-Raja Brunei, Batalion Ke-dua Q.E.O. Gurkha Rifles serta tujuh Pasukan Pertubuhan2 Awam, iaitu: Jabatan Laut Negara, Kastam Di-Raja Brunei, Bomba, Palang Merah, Pengakap, Pandu Puteri dan Boys Brigade.

Pada tahun ini tiga pancharagam akan mengambil bahagian dalam Istiadat Perbarisan Hari Keputeraan D.Y.M.M. Maulana Al-Sultan. Pancharagam2 itu ia-itu: Pancharagam Askar Melayu Di-Raja Brunei, Pancharagam Pulis Di-Raja Brunei dan Pancharagam Batalion Kedua Q.E.O. Gurkha Rifles.

Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan di-jadualkan berangkat tiba di-Istiadat Perbarisan tersebut pada jam delapan pagi, dimana Baginda akan memereksa Perbarisan dan menerima Tabek Kehormatan Di-Raja.

Di-antara-nya yang akan hadir di-Istiadat Perbarisan

itu ia-lah Pesuroh Jaya Tinggi British di-Brunei, Yang Terutama Awang F.D. Webber; Menteri Besar Brunei, Yang Amat Berhormat Dato Seri Paduka Marsal bin Ma'un; Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Bendahara dan Pengarah Pasukan2 Tentera British di-Borneo.

Pemangku Setia Usaha Kerajaan Brunei, Yang Berhormat Dato Paduka Awang Mohammad Taib bin Awang Besar telah merasmikan pembukaan Pameran Lukisan, Ukiran Patong2 dan Fotografi bagi menyambut Hari Keputeraan D.Y.M.M. Maulana Al-Sultan di-Dewan Bangunan Guru2 Melayu Brunei pada pagi hari Ahad 18 September, 1966. Dalam gambar ini kelihatan Y.B. Dato Paduka Awang Mohammad Taib sedang merasmikan pembukaan Pameran tersebut.

Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Maulana Al-Sultan Sir Omar Ali Saifuddin kelihatan dalam gambar ini sedang menganugerahkan Bintang Darjah Setia Negara Brunei Yang Amat

Bahagia (D.S.N.B.), Darjah Kedua kepada Yang Berhormat Dato Setia Awang Idris Talog Davies, Peguam Negara Brunei di-Istana Darul Hana, Brunei pada 18 September, 1966.

### Istiadat Mengurniakan Bintang2 Kehormatan dan Pingat2 Di-Istana

**BANDAR BRUNEI.** — Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Maulana Al-Sultan, Sir Omar Ali Saifuddin telah menganugerahkan Bintang2 Kehormatan Neg-


ra dan Pingat2 kapada seramai lima puluh empat orang dalam satu Istiadat di-Istana Darul Hana, Brunei pada pagi hari Sabtu 17 September, 1966.

Dalam Istiadat tersebut, Baginda telah menganugerahkan gelaran Dato kapada enam orang. Lima orang daripada-nya telah di-kurniakan gelaran Dato pada tahun lalu dan sa-orang lagi, Awang Mohammad Taib bin Awang Besar, Pemangku Setia Usaha Kerajaan Brunei telah di-kurniakan gelaran Dato pada tahun ini.

Bintang Kehormatan S.N.B. telah di-anugerahkan kapada tiga orang, termasuk Awang George Newn Ah Foott, sa-orang Ahli Surohan Jaya Perkhidmatan Awam.

Dua belas orang telah di-anugerahkan Bintang Kehormatan S.M.B. Delapan orang

LIHAT MUKA 8



# Maju Mundor-nya Kemajuan Sa-buah Sekolah Ada-lah Di-Tangan Orang2

— kata Awang Haji Mohd. Yassin.

KAMPONG SULTAN LAMA. — Nadzir Sekolah2 Melayu Bahagian Brunei Satu, Awang Haji Mohd Yassin bin Haji Metassim menegaskan di-Majlis Pembukaan Rasmi Sekolah Melayu Kampong Sultan Lama, Brunei pada hari Juma'at 10 September, 1966 bahawa beliau berasa gembira sekali atas Semangat Ketua Kampong serta anak2 buah-nya yang telah mengambil berat untuk mendirikan sa-buah Sekolah dengan bekerja sa-chara bergotong royong untuk memelihara Mutu Pelajaran anak2 mereka bagi menjamin taraf kehidupan mereka pada masa akan datang serta untuk faedah Bangsa dan Negara.

"Dengan memandang keramaian murid2 di-Sekolah Melayu S.M.J.A. terlampaui banyak serta dengan hasrat hati orang2 kampong untuk membangunkan sa-buah Sekolah di-Kampong Sultan Lama ini dan dengan persetujuan Jabatan Pelajaran, maka terdiri-lah sa-buah Sekolah. Dengan ada-nya Sekolah Melayu Kampong Sultan Lama ini, dapat-lah mengelakkan murid2 kecil daripada keselamatan jalan raya," kata beliau.

Bagi pehak Jabatan Pelajaran, Awang Haji Mohd. Yassin berharap benar2 agar supaya ibu bapa di-kampong itu bagi memajukan dalam lapangan Pelajaran dan lain2 berhubung dengan Sekolah sambil beliau menegaskan bahawa Jabatan Pelajaran merasa bangga pada kesedaran ibu bapa dalam DUNIA PELAJARAN sekarang ini.

Apa yang beliau harap untuk memupok DUNIA KESEDARAN itu, bukanlah segala2-nya di-serahkan bulat2 pada Kerajaan semata2, tetapi kesedaran yang benar2 sedar ia-lah maju mundor-nya kemajuan sa-sabuah Sekolah itu ada-lah di-tangan orang kampong itu sendiri.

Awang Haji Mohd. Yassin berkata lagi bahawa beliau ingin melihat agar Kampong Sultan Lama itu akan menjadi pelupor yang pertama menuju ka-arah tersebut dengan memberi chontoh2 yang baik dalam usaha persendirian, kera-

na sikap Guru2 dalam sabuah Sekolah itu ada-lah merupa giat atau penunjok sahaja, sedang yang menchari jalan yang sa-benarnya untuk kejayaan dan kemajuan itu ada-lah penduduk2 kmpong itu dengan jagaan pengawasan mereka sekalian.

Beliau juga telah menguchapkan ribuan terima kaseh kapada Jawatan Kuasa Pembukaan Rasmi Sekolah Melayu Kampong Sultan Lama yang telah bekerja-sama bagi melaksanakan upachara hari yang bersejarah itu bagi kampong tersebut.

Ketua Kampong Sultan Lama, Awang Omar bin Duah, ketika beruchap di-majlis tersebut, telah menguchapkan ribuan terima kaseh kapada Penulong Menteri Pelajaran, Y. B. Orang Kaya Pekerma Dewa Awang Lukman bin Uking atas kesudian beliau hadir di-majlis tersebut dan juga untuk merasmikan pembukaan Sekolah Melayu Kampong Sultan Lama.

Awang Omar juga telah menguchapkan ribuan terima kaseh kapada Jabatan Pelajaran yang telah sudi menderma wang; m e m b e n a r k a n penduduk2 kampong Sultan lama membenana sa-buah Sekolah Melayu di-Kampong itu serta pula memberi kemudahan2 alat perkakas, beberapa orang Guru dan begitu juga Buku2 Pelajaran untuk sekolah tersebut.

Dalam uchapan Awang

Omar di-majlis tersebut, beliau berkata bahawa dengan terdiri-nya sekolah di-Kampong Sultan Lama, penduduk2 di-kampong itu sangat2 beruntong dan bertuah, bukan sahaja murid2 kecil yang tinggal di-kampong itu dapat belajar, malahan pula ibu-bapa dan penjaga murid2 di-kampong itu berasa senang kerana mereka tidak-lah payah lagi menghantar anak2 mereka ka-sekolah di-sebabkan kanak2 yang kecil itu sendiri dapat berjalan ka-sekolah. Orang2 dewasa di-kampong itu juga akan berpeluang belajar di-waktu2 petang dan malam.

Awang Omar juga berkata bahawa dengan terdiri-nya Sekolah di-Kampong itu ia-lah atas kerjasama penduduk2 kampong itu dan kapada mereka beliau, sa-bagai Ketua Kampong, menguchapkan berbanyak2 terima kaseh, terhadap kerjasama mereka.

## PERADUAN2 "MISTER BRUNEI" DAN "MISS BRUNEI"

BANDAR BRUNEI.— Peraduan2 "Mister Brunei" dan "Miss Brunei" Tahun 1966 sebagai menyambut Hari keputeraan D.Y.M.M. Maulana Al-Sultan akan di-adakan di-Dewan Bangunan Guru2 Melayu Brunei pada hari Sabtu 24 September, 1966 mulai jam 8 malam.

Peserta2 yang telah mendaftarkan nama untuk mengambil bahagian dalam Peraduan2 tersebut ada-lah lebih banyak lagi daripada tahun2 yang lalu. Pada tahun ini, seramai 26 orang akan men-

**Persidangan**  
**M.M.D. Temburong**  
**Ketetapan Membina Istana untuk**  
**D.Y.M.M. Di-Bangar**  
**Di-Luluskan**

BANGAR. — Majlis Masyarakat Daerah Temburong telah bersetuju meluluskan satu ketetapan untuk membina sa-buah Istana di-Bangar untuk kegunaan Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan pada sa-tiap masa Baginda berchemar Duli ka-Daerah Temburong. Ketetapan itu akan di-hantarkan kepada Kerajaan untuk pertimbangan.

Persidangan Majlis Masyarakat Daerah Temburong itu telah di-adakan di-Temburong Club pada 8 September, 1966 dan telah di-pengerusikan oleh Pegawai Daerah Temburong, Pengiran Syed Shahminan.

Ketetapan tersebut telah di-kemukakan oleh Yang Mulia Awang Haji Abu Bakar bin Baha, Wakil Kawasan Puni.

gambil bahagian dalam Peraduan "Mister Brunei" dan kira2 30 orang akan mengambil bahagian dalam Peraduan "Miss Brunei". Demikian menurut pengurus peraduan2 tersebut, Pg. Idriss P.K.I. Haji Mohamed.

Peraduan "Mister Brunei" itu di-bahagikan kapada dua bahagian, ia-itu Mister Brunei" dan "Junior Mister Brunei". Begitu juga Peraduan "Miss Brunei" di-bahagikan kapada dua bahagian, ia-itu "Miss Brunei" dan "Junior Miss Brunei".

Pemenang2 yang pertama dalam Peraduan2 "Mister Brunei" dan "Miss Brunei" itu akan di-berikan tambang perchuma ka-Hong Kong dengan kapal terbang dan balek ka-Brunei dengan kapal terbang. Mereka juga akan di-berikan tempat tinggal dengan perchuma sama-sama berada di-Hong Kong.

Bayaran masok ka-temasha tersebut ia-lah satu ringgit sa-saorang.

Gunakan-lah  
Bahasa  
Melayu

## Waktu2 Sembahyang, Imsak dan Matahari Terbit

Waktu2 sembahyang imsak dan matahari terbit bagi Daerah2 Brunei/Muara, Tutong dan Temburong mulai hari Rabu 21 September hingga ka-hari Selasa 27 September, 1966 ada-lah saperti di-bawah ini:—

Hari	Bulan	Dzohor	Asar	Maghrib	Isha	Imsak	Suboh	Matahari Terbit
21 Sept.	12.19	3.36	6.23	7.35	4.37	4.52	6.09	
22 Sept.	12.19	3.36	6.23	7.35	4.37	4.52	6.09	
23 Sept.	12.19	3.36	6.23	7.35	4.37	4.52	6.09	
24 Sept.	12.19	3.36	6.23	7.35	4.37	4.52	6.09	
25 Sept.	12.19	3.36	6.23	7.35	4.37	4.52	6.09	
26 Sept.	12.18	3.35	6.21	7.33	4.36	4.51	6.08	
27 Sept.	12.18	3.35	6.21	7.33	4.36	4.51	6.08	

Waktu sembahyang dan imsak bagi Daerah Belait hendak-lah di-tambah tiga minit pada tiap2 waktu.

Sembahyang Juma'at di-seluruh Negeri Brunei di-mulai pada pukol 12.45 tengah hari.

# Menternak Ayam Untuk Menchari Keuntongan

## SAMBONGAN

Penjagaan yang baik atas ayam2 itu ada-lah perlu sa-kali untuk mendapatkan hasil yang baik. Semua benda mesti-lah sentiasa berseh. Ayam2 itu mesti-lah di-pereksa tiap2 hari dan ayam yang sakit di-asingkan dan di-beri rawatan segara. Reko d2 mesti-lah di-adakan untuk ayam2 bertelor, kerana ayam2 yang kurang bertelor akan memakan makanan yang sama banyak-nya seperti ayam2 yang banyak mengeluarkan telor, dan ini ada-lah merugikan. Biasa-nya mengikut peraturan, ayam2 yang kurang bertelor dari 14 biji sa-bulan mesti-lah di-keluarkan dari petak. Ini ada-lah perlu bagi menjaga ekonomi. Perkara2 di-bawah ini mesti-lah di-ambil perhatian.

(1) Penternak ayam mesti-lah rajin, mempunyai minat penoh terhadap ayam2-nya dan mempunyai pengalaman yang menchukupi mengenai memberikan makanan, menjaga dan menjual-nya.

(2) Belanja makan mesti-lah jangan lebeh dari sa-paroh jumlah perbelanjaan bagi mengeluarkan telor dan ayam jualan. Perbelanjaan modal perengkat permulaan mesti-lah sa-rendah2-nya.

(3) Penjagaan yang chekap akan mengurangkan jumlah kematian terhadap anak2 dan ayam2 besar. Mana2 yang tidak baik mesti-lah di-ketepikan terus.

(4) Semua telor dan ayam yang berlebeh dari kegunaan sendiri untuk dimakan, mesti-lah di-jual. Najis ayam itu boleh di-jual kepada petani2.

(5) Telor2 mesti-lah dipungut tiap2 hari dan dijual dalam masa sa-minggu. Simpan telor2 itu di-tempat yang sejok.

(6) Telor2 yang berseh boleh di-dapati dari petak2 yang sentiasa di-bersehkan. Jangan sa-sakali choba membersehkan telor2 yang kotor dengan membashokan-nya dengan ayer. Telor2 kotor, retak atau berkulit lembut jangan di-jual. Jika awang2 patoh kepada peraturan2 yang mudah ini, awang2 akan mendapat nama baik sebagai sa-orang penternak ayam yang boleh di-harapkan serta adil.

**Menjaga kesehatan dan menchengah penyakit**  
Ke chua li kesehatan ayam2 itu di-jaga dengan baik, maka satu ladang

ternakan ayam yang diuruskan dengan baik, akan gagal dengan segera. Mesti-lah selalu di-ingati bahawa penyakit ayam itu ia-lah penyakit satu kumpulan ia-itu jika sa-ekor ayam mendapat sakit, maka seluroh kumpulan ayam itu akan mendapat sakit segera. Maka perkara2 di-bawah ini mesti-lah dikuti:—

(1) Reban dan semua perkakas2 mesti-lah sentiasa berseh.

(2) Jangan-lah masukkan ayam baru ka-kumpulan ayam yang ada itu, hingga ayam2 baru itu telah di-kurong di-tempat yang berasingan selama dua minggu. Oleh sebab pasar2 ayam menjadi sumbar penyakit, ayam2 yang di-beli di-pasar mesti-lah jangan di-

champorkan dengan ayam2 di-rumah.


(3) Semua ayam2 yang sakit mesti-lah di-asingkan segera dan petak2-nya di-bersehkan dengan ubat. Semua ayam2 yang mati mesti-lah di-bakar atau

pun di-tanam, dan jangan di-champak ka-dalam parti2 atau longkang. Reban2 ayam yang di-serang oleh penyakit, mesti-lah jangan di-isikan semula ayam sa-lama sa-bulan.

## BERSAMBONG



Ayam jenis White Leghorn chara bebas



Ayam jenis Rhode Island Red dan New Hampshire Red chara bersekat2.



Ayam jenis Rhode Island Red chara berkuron.

## Sambutan2 Hari Keputeraan D.Y.M.M. Maulana Al-Sultan

PERSIAPAN untuk menyambut Hari Ulang Tahun Keputeraan Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Maulana Al-Sultan, Sir Omar Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddin kali yang ke-50 telah pun di-selenggarakan di-Daerah2 Brunei dan Muara, Belait, Tutong dan Temburong.

Kemuncak dari perayaan tersebut ia-lah Istiadat Perbarisan yang akan di-langsungkan di-Bandar Brunei pada pagi hari Juma'at 23 September, 1966 dan juga Istiadat Mengadap di-Istana Darul Hana pada hari itu.

Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Maulana Al-Sultan akan berchemar Duli ka-Istiadat Perbarisan itu. Baginda akan memerlukan Perbarisan tersebut dan menerima Tabek Kehormatan Di-Raja.

Lebih2 lagi, pada masa di-adakan Istiadat Perbarisan Sambutan Hari Ulang Tahun Keputeraan Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan di-Bandar Brunei pada tahun ini, tiga Pancharagam akan mengambil bahagian. Pancharagam2 itu ia-lah Pancharagam Askar Melayu Di-Raja Brunei, Pancharagam Pulis Di-Raja Brunei dan Pancharagam Tentara Gurkha Rifles.

Istana Darul Hana serta kawasan Istana; bangunan Pejabat2 Kerajaan; bangunan Sharikat2 Perniagaan dan lain2 bangunan telah pun di-hiasi dengan chantek dan di-sinarkan dengan lampu elektrik yang berwarna warni pada waktu malam.

Begitu juga rumah2 di-Kampung Ayer yang indah itu dan lain2 rumah di-hiasi dengan chantek dan berchuchol pada masa di-adakan Sambutan Hari Ulang Tahun Keputeraan Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan.

Pintu2 Gerbang yang chantek telah pun di-bina di-tiap2 buah Daerah di-seluruh negara.

Temasha2 Sukan Darat dan Perlumbaan Di-Ayer akan di-adakan di-Bandar Brunei, Kuala Belait, Tutong dan Bangar pada siang hari.

Di-antara achara2 yang akan di-adakan bagi menyambut Hari Jadi D.Y.M.M. Maulana Al-Sultan pada tahun ini ia-lah Malam Aneka Warna.

Peraduan2 Silat dan Kuntau; Persembahan2 Nyan-yan dan Tarian Antara Bangsa; Peraduan Awang dan Dayang Brunei; Peraduan2 Ratu Kechantekan; Peraduan2 Lukisan; Peraduan Perarakan Laut di-waktu malam; Peraduan Unggun Api (Parunam) di-Bukit2; Peraduan Sepak Raga Jaring; Perlawaan2 Bola Sepak dan Hoki, Peraduan Kereta Berhias dan Tanglong Berjalan Kaki Siang dan Malam; Perlumbaan Go-Kart Perlawaan Bola Keranjang; Perlawaan Tinju; Perlumbaan Berjalan Kaki; Pameran Barang2 Lama; Pameran Gambar2; Pertunjukan Bunga Api dan lainnya.

Kanak2 juga tidak-lah ketinggalan untuk di-hibor-kan hati mereka dengan beranika hiburan sa-masa di-adakan perayaan tersebut.

Memandang kapada segala2-nya itu, ada-lah membuktikan bahawa penduduk2 dari segala bangsa yang tinggal di-Negeri Brunei telah bekerjasama untuk menyambut Hari Ulang Tahun Keputeraan Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan pada tahun ini lebih meriah lagi daripada sambutan2 yang telah di-adakan pada tahun2 lalu.

### TARIKH PERAYAAN HARI JADI D.Y.M.M. DI-TEMBURONG

**BANGAR:** Tarikh Perayaan menyambut Ulang Tahun Hari Keputeraan Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan bagi daerah Temburong ada-lah di-pinda dari 28 September hingga 1 Oktober kepada 26 September hingga 29 September.

Achara2 yang akan di-jalankan dalam masa tiga hari itu ia-lah:

26 September Peraduan Al-Koran; 27 September Istiadat Barisan Kehormatan Perlumbaan laut dan Tarek Kalat; 28 dan 29 September Lumba darat; 27 dan 29 September Aneka werna dan Pasar Gembira.

Pasar gembira dan malam aneka werna termasok tarian joget dan twist akan di-adakan tiap2 malam dari 26 September.

### Perlawaan Bola Sepak Piala Borneo

**BANDAR BRUNEI.** — Sabah telah menjadi Johan dalam Perlawaan Bola Sepak Piala Borneo di-Kuching baru2 ini dan Naib Johan-nya ia-lah Sarawak. Brunei telah mendapat gelaran yang ketiga. Dalam perlawaan itu, Sabah telah mengalahkan Brunei dengan 6 gol berbalas 5 dan Sarawak telah mengalahkan Brunei dengan 2 gol berbalas 1.

## PERSEDIAAN2



Latehan2 menyanyi untuk malam aneka werna tujuh di-Padang Besar, Bandar Brunei sedang giat di-jalank



Lapangan permainan untuk kanak2 sudahpun siap beberapa hari yang lalu, lapangan itu telah di-mulakan seperti yang dapat di-lihat dalam gambar ini.



Pemudi2 di-Daerah Tutong juga sed

# MBUTAN HARI JADI D. Y. M. M.

SELUROH raayat Negeri Brunei akan merai'kan hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan Sir Omar Ali Saifuddin, genap usia yang ke-50 tahun pada 23 September, 1966.

Persediaan2 bagi merai'kan hari yang bersejarah itu sedang sebok di-ator, bukan saja di-Bandar Brunei bahkan di-satiap erturut2 daerah dalam negeri ini.

Menurut jadual, Perayaan2 itu akan bermula pada 23 September, 1966. Namun begitu, sa-bahagian dari acha-ra2 perayaan telah berjalan sejak beberapa hari yang lalu saperti Sokan, Peraduan Lukisan, Ukiran Patong2 dan Potogerap telah di-langsangkan pada hari Ahad 18 September dan berakhir petang kelemarin.

Menilek kapada persediaan2 yang sudah hampir2 siap itu, maka jelas-lah bahawa Brunei akan merupakan sa-buah negeri yang bertambah2 elok di-pandang, terutama sa-kali jika mata hari terbenam, Brunei akan di-warnai dengan lampu2 neon yang beraneka warna.

Pintu2 gerbang yang telah di-dirikan sa-hingga mendekati Jambatan Edinburgh, Bandar Brunei akan merupakan satu jurusan pemandangan yang menarek minat ramai dengan perhiasan2 lampu dan ukiran2 yang terdapat pada tiap2 buah pintu gerbang itu.

Bangunan2 juga telah di-siapkan dengan perhiasan2 dan rumah2, baik di-kampong mahupun di-bandar akan turut mengambil bahagian dalam perduaan berchuchol.

Perarakann kereta berhias, basikal berhias, perarakann berchuchol berjalan kaki dan perarakann keinderaan laut akan merupakan achara yang paling menarek minat ramai.


Sokan laut, saperti lumba perahu, moto sangkut dan berbagai2 achara permainan di-ayer lagi akan juga di-adakan.

Daerah Brunei/Muara akan memulakan perayaan tersebut dari 23 September hingga 30 September. Daerah Tutong akan memulakan perayaan pada 26 September hingga 2 Oktober. Daerah Temburong pula mulai pada 26 September.

Daerah Belait akan mengadakan perayaan tahun ini mulai 22 hingga 26 September.



Penuntut2 Maktab Penguruan Melayu Brunei kelihatan sedang berlateh salah satu tarian Brunei Asli.



Kerja2 membina pintu gerbang bagitu lanchar di-jalankan yang pada masa ini hampir siap semua-nya.

# PERLUMBAAN DI-SUNGAI TEMBURONG

**BANGAR.** — Satu temasha Perlumbaan Di-Sungai akan di-adakan di-Pekan Bangar pada hari Selasa 27 September, 1966 bagi menyambut Hari Keputeraan Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan.

Borang2 untuk memasuki perlumbaan tersebut boleh-lah di-dapati daripada Pengerusi Perlumbaan Di-Sungai, Awang Mohd. Said bin Zakaria, d/a Jabatan Perubatan, Bangar, Temburong atau Setia Usaha perlumbaan itu, Che'gu Ibrahim bin Haji Mesir, d/a Sekolah Melayu Sultan Hassan, Bangar, Temburong.

Achara2 yang akan di-adakan di-temasha tersebut ada-lah saperti ber-

kut:

1. Lumba Jarak Jauh dari Brunei ka-Bangar Perahu buatan tempatan, jenis engine Evinrude, Johnson dan Gale — 40 h.p. TERBUKA 2. Lumba perahu 1 orang — TERBUKA 3. Lumba Perahu 3 orang — TERBUKA 4. Lumba Perahu 1 orang — TERBUKA kapada pejabat2 Kerajaan Daerah Temburong. 5. Lumba Out Board Sea Gull — TERBUKA (Apa sahaja jenis perahu).

6. Lumba perahu panjang — TERBUKA jenis engine, Evenrude, Johnson dan Gale — 18 h.p. 7. Lumba perahu panjang dan 2 orang penumpang dewasa TERBUKA, jenis engine Evenrude, Johnson dan

Gale — 18 h.p. 8. Lumba perahu Tamuai 8 orang TERBUKA kapada orang2 kampong sahaja. 9. Lumba perahu Tamuai 12 orang TERBUKA kapada orang2 Iban dan Murut sahaja.

10. Lumba Out Board (Racing) TERBUKA 4 kali pusingan, Perahu buatan tempatan, jenis Engine Evinrude, Johnson dan Gale — 25 — 28 h.p.

11. Lumba out board (Racing) TERBUKA segala jenis out board lumba 6 kali pusingan jenis engine Evenrude, Johnson dan gale — 40 h.p. 12. Lumba Out Board (Racing) TERBUKA 6 kali pusingan, Perahu buatan tempatan, jenis Engine Evenrude, Johnson dan Gale — 40 h.p. 13. Lumba perahu Temuai 10 orang TERBUKA Pejabat2 Kerajaan Daerah Temburong. 14. Tangkap Itek TERBUKA. 15. Lumba Bernang TERBUKA.

16. Lumba perahu Tamuai membawa penumpang dewasa 6 orang — 40 h.p. Jenis Engine Evenrude, Johnson dan Gale. 17. Menyelam dalam ayer TERBUKA kapada orang2 dewasa. 18. Lumba perahu Tamuai melalui karangan TERBUKA jenis Engine Evenrude, Johnson dan Gale — 18 h.p. 19. Meniti titian lichen bagi kanak2 sahaja. 20. Tarek kalat di-sungai (menggunakan perahu) 10 orang TERBUKA.

## Jawatan kosong:

## Mekanik Timbangan dan Sukatan

Permohonan2 ada-lah di-jemput dari ra'ayat atau mereka yang pernah di-daftarkan sebagai ra'ayat D.Y.M.M. Al-Sultan yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan untuk memenuhi dua jawatan kosong sebagai Mekanik Timbang dan Sukatan.

### GAJI:

D 1-2-3 (Penghabisan \$380) \$210 X 10 — 270 X 15 — 360 — 380.

### KELAYAKAN2:

Pemohon2 mesti-lah lulus Darjah IV Melayu.

Permohonan2 mesti-lah di-hantar melalui Ketua2 Pejabat masing2 yang di-

kehendaki menghantarkan laporan sulit dan Chatetan Perkhidmatan yang lengkap.

Permohonan2 yang mesti di-penohi dalam borang2 yang boleh di-perolehi daripada Pegawai Perjawatan, Brunei, mesti-lah dikembalikan kapada Setia Usaha Kerajaan, Brunei, tidak lewat daripada 26 September, 1966.

## KENYATAAN PEJABAT

## BANDARAN BRUNEI

ORANG ramai ada-lah dengan ini di-beri tahu bahawa mulai dari 1 Oktober, 1966, Jabatan Bandaran, Brunei akan melancharikan gerakan membunuh semua anjing yang tidak bertuan dan tidak berlesen yang ada berkeliruan di-seluruh Kawasan Bandaran, Bandar Brunei.

Oleh yang demikian mereka ada-lah di-nasehatkan supaya mengambil lesen anjing dari Jabatan Bandaran, Brunei agar anjing2 kesayangan tidak akan terbunuh.

Bayaran lesen sa-tahun bagi sa-ekor anjing betina ada-lah \$5.00 dan anjing jantan \$3.00

## Lelong bagi tempat tapak menjual minyak petrol

ADA-LAH di-siarkan untuk pengetahuan ramai ia-itu tempat bagi tapak2 bagi bangunan menjual Minyak Petrol dan Servicing Stesen akan di-lelong pada tarikh dan hari tersebut di-bawah ini:—

HARI RABU 28 September, 1966 bagi SERIA jam 9.00 pagi dan KUALA BELAIT jam 11.00 pagi.

A. KUALA BELAIT: Tanah Kerajaan lebuh kurang 100 kaki x 150 kaki luasnya terletak di-jalan Panglima, sa-belah timor menuju Bandar di-sepanjang Jalan Pandan.

B. SERIA: Tanah Kerajaan, lebuh kurang 100 kaki X 73 kaki luasnya terletak di-Jalan Bunga Kuning bersempadan dengan pasar Babi.

(a) Harga tanah akan di-nyatakan oleh Kerajaan di-waktu melelong di-tempat yang berkenaan. (b) Jenis geran tanah 99 tahun (c) Sewa tahunan \$25.00 (d) Upah mengukur \$8.00

(e) Menyiapkan geran \$1.00.

### Sharat2 Khas

(a) Tanah tersebut hendak-lah di-gunakan semata2 untuk sebuah Motor Service Station dan sebuah Petrol Station hendak-lah di-bangunkan dalam tempoh (2) tahun dari tarikh keluarkan geran tanah ini.

(b) Tidak ada bangunan yang akan di-dirikan atau perubahan terhadap bangunan tersebut selain dari bangunan2 yang telah diluluskan oleh Lembaga Bandaran.

(c) Geran tanah ini adalah tertia'alok kapada Hak Malek Sharikat Minyak Petrol, Brunei, Berhad di-bawah Perjanjian Melombong Minyak bersama. Ke-dua2nya bertarikh 23 Disember, 1963.

(g) Wang pertarohan: Apa bila sahaja tanah tersebut selesai di-lelong yang berjaya hendak-lah membayar wang pertarohan

## Jawatan kosong:

## AHLI2 PULIS BARU

Permohonan2 ada-lah di-pelawa daripada ra'ayat Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan atau mereka yang di-bawah Naongan British peranan Brunei untuk berkhidmat sebagai Pulis Baru dalam Pasukan Pulis Di-Raja Brunei dengan sharat mereka mempunyai keperluan2 berikut:—

Pelajaran — Darjah VI Melayu atau Primary VI Inggeris.

Umur — Antara 18 dan 28 tahun.

Tinggi — Sekurang2nya 5 kaki 2 inci.

Dada — Sekurang2nya 31 inci bila tidak menarik napas dan di-akui sehat oleh Pegawai Perubatan Kerajaan.

### GAJI:

\$180 sa-bulan.

Chalon2 yang berjaya mesti-lah bersedia menjalani latehan di-Malaya.

Borang2 permohonan boleh di-perolehi daripada Ibu Pejabat Pulis Daerah, Brunei atau Panaga.

Borang2 yang sudah di-penohkan hendak-lah dikembalikan ka-Ibu Pejabat Pulis, Brunei, tidak lewat daripada 29 September, 1966.

an sa-banyak 10% dari harga lelong. Baki-nya hendak-lah di-bayar dalam masa 6 bulan daripada tarikh perlelongan itu dan geran tanah tidak akan di-keluarkan sa-hingga baki selesai di-bayar. Jika baki-nya tersebut tidak di-bayar dalam masa 6 bulan dari tarikh perlelongan itu, wang pertarohan akan hilang dan geran-nya akan di-tawarkan kapada perlelongan tertinggi yang kedua.

### (h) Perlelongan:

Hanya Orang2 Melayu Warga Negara, Brunei sa-haja yang di-benarkan membeli lelong.

Rajah2 (plan) boleh di-lehat di-Pejabat Tanah, Kuala Belait dan Pejabat Daerah, Seria.

Kerajaan tidak akan bertanggong jawab untuk menguruskan supaya orang2 yang berjaya membeli lelong ini mendapat bekalan minyak dari Sharikat yang berkenaan.



## SOKAN DAN OLAH RAGA

Oleh  
AWANG MD.  
HUSAIN ZAINAL

(i) BAHAGIAN "A": Tingkatan umor, di-lahirkan dalam tahun 1953 katas dan sukatan tinggi badan tidak lebuh 4 kaki 8 inchi (ii) BAHAGIAN "B": Tingkatan umor di-lahirkan dalam tahun 1952 dan 1951. (iii) BAHAGIAN "C": Tingkatan umor di-lahirkan dalam tahun 1950 ka-bawah. (iv) BAHAGIAN MAK TAB DAN SEKOLAH MENENGAH: Tidak di-hadkan umor asalkan maseh bersekolah di-Maktab/Sekolah MENENGAH.

a) Pasukan Jabatan Ukor berlawan dengan pasukan Sukarela Tutong, bertem-pat di-padang Besar Bandar Brunei. Keputusan-nya Pasukan Champoran Daerah Tutong menang de-nan 3 gol berbalas 1. b) Perlawanan Suku Akhir: Pasukan Pulis Di-Raja, Brunei berlawan dengan Pasukan Maktab SOAS "A" bertempat di-pa da n g SMJA., Bandar Brunei Keputusan-nya Pasukan Maktab SOAS "A" menang de-nan 4 gol berbalas 1.

(i) PADA 6 SEPTEMBER, 1966: Dua perlawanan di-jalankan ada-lah saper-ti berikut:

(i) PADA 6 SEPTEMBER, 1966: Dua perlawanan di-jalankan serempak ia-itu:-

a) Pasukan Jabatan Ukor berlawan dengan pasukan Sukarela Tutong, bertem-pat di-padang Besar Bandar Brunei. Keputusan-nya Pasukan Champoran Daerah Tutong menang de-nan 3 gol berbalas 1. b) Perlawanan Suku Akhir: Pasukan Pulis Di-Raja, Brunei berlawan dengan Pasukan Maktab SOAS "A" bertempat di-pa da n g SMJA., Bandar Brunei Keputusan-nya Pasukan Maktab SOAS "A" menang de-nan 4 gol berbalas 1.

(ii) PADA 8 SEPTEMBER, 1966: Perlawanan Suku Akhir antara Pasukan Maktab Perguruan Melayu Brunei "B" dengan Pasukan Sukarela Tutong, bertem-pat di-padang Besar Bandar Brunei, Keputusan-nya Pasukan Sukarela Tutong menang dengan 2 gol berbalas 1.

### BOLA SEPAK:

Perlawanan Bola Sepak antara Sekolah2 seluroh Negeri Brunei, atas an-joran Jabatan Pelajaran Brunei, ada-lah satu dari-pada Projek Tahunan yang di-kelolakan oleh Jabatan Pelajaran, Brunei.

Perlawanan di-bahagikan kepada empat kumpulan, ia-itu:-

Kuala Belait. b) Naib Johan: Perisai Pengiran Hj. Abdul Rahman bin Pengiran Hj. Abdul Rahim. Pada tahun 1965 di-mena-nji oleh Sekolah Melayu Sultan Hasan Bangar, Temburong.

BAHAGIAN MAK TAB DAN SEKOLAH MENENGAH: Tidak di-hadkan umor asalkan maseh bersekolah di-Maktab/Sekolah MENENGAH.

Tidak di-hadkan umor asalkan maseh bersekolah di-Maktab/Sekolah MENENGAH.

BAHAGIAN "A": a) Johan: Perisai W. J. Peel, Bekas British Resident, Brunei. Pada tahun 1965 di-menangi oleh Pasukan Maktab SOAS, Bandar Brunei. b) Naib Johan: Piala N. E. Clark, Bekas Pengurus Hong Kong & Shanghai Bank, Brunei. Pada tahun 1965 di-mena-nji oleh Pasukan Sekolah Melayu Muda Hashim, Tu-tong.

BAHAGIAN "B" a) Johan: Piala E. W. Cousen, Bekas Pegawai Kewangan Negara, Brunei. Pada ta-hun 1965 di-menangi oleh Pasukan Sekolah Melayu SMJA., Bandar Brunei b) Naib Johan: Perisai Jawatan Kuasa Sambutan Per-kembalian Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan dari Eropah. Pada tahun 1965 di-menangi oleh Pasukan Melayu Sultan Hasan Bangar, Temburong.

BAHAGIAN "C": a) Johan: Perisai Pengiran Kerma Indera Haji Muham-mad bin Pengiran Piut. Pa-da tahun 1965 di-menangi oleh Pasukan Sekolah Me-layu Ahmad Tajuddin,

### Bola Sepak

Pegawai2 dan anggota2 Pasokan Bola Sepak Negeri Brunei yang mengambil ba-hagian dalam Perlawanan Bola Sepak Piala Borneo di-Kuching pada 9, 10 dan 11 September, 1966 telah men-gadap D.Y.M.M. Maulana Al-Sultan di-Istana Darul Hana sa-belum mereka ber-angkat ka-Kuching dengan kapal terbang. Gambar ini di-ambil di-kawasan Istana sa-lepas mereka mengadap D.Y.M.M. Maulana Al-Sultan.

## Sokan Darat Di-Bangar

BANGAR. — Penduduk2 di-Daerah Temburong akan mengadakan satu temasha Sokan Darat di-Pekan Ba-nagar sa-lama dua hari, ia-itu pada hari Rabu 28 September dan hari Kha-mis 29 September, 1966 sa-bagi salah satu daripada achara2 sambutan Hari Keputeraan Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan.

Achara2 yang akan di-adakan itu ada-lah saperti berikut:

Hari Rabu 28 Septem-ber: 8.30 pagi — Rentas Desa. 2.00 petang — Sokan Darat.

Hari Khamis 29 Septem-ber 8.30 pagi — Lumba Jalan Kaki. 4.00 petang — Perlawanan Bola Sepak, di-an-tara Belia Temburong de-nan Belia Limbang.

Jawatan Kuasa Bahagian Sokan Darat sambutan tersebut menjemput orang ramai mengambil ba-hagian dalam Perlumbaan2 Rentas Desa, Sokan Darat dan Lumba Jalan Kaki.

Achara2 yang akan di-adakan di-Temasha Sokan Darat ada-lah saperti beri-kut:

1. Lari (100 ela terbuka,
2. Lari 100 ela Murid2 Sekolah Daerah Temburong.
3. Lari 220 ela terbuka.
4. Lari 220 ela Murid2 Sekolah Daerah Temburong.
5. Lari 880 ela terbuka.
6. Lari 440 ela terbuka.

7. Lari 1 batu terbuka.
8. Lari 4 X 110 ela terbuka.
9. Lari 75 ela panching botol terbuka.
10. Lari 75 ela chari benda terbuka ka-pada Pegawai2 yang bertu-gas.
11. Lari 75 ela berund-or ka-belakang 40 tahun ke-atas.
12. Lari 75 ela ikat kaki Murid2 Sekolah Daerah Temburong.

13. Lari 50 ela dalam guni Murid2 Sekolah daerah Temburong.
14. Lari 50 ela dalam guni terbuka.
15. Lari 50 ela makan roti Kanak2 Sekolah Daerah Temburong.
16. Lari 50 ela ma-masokkan benang ka-lo-bang jarum (Perempuan) terbuka.
17. Lari 75 ela tiup bellon terbuka.
18. Lari 75 ela perempuan terbuka.

19. Lari 50 ela basikal perlahan terbuka.
20. Limpar piring terbuka.
21. Buang Peluru terbuka.
22. Lontar Lembing terbuka.
23. Lompat Kijang terbuka.



Sa-rombongan tiga orang Pegawai Tinggi Kerajaan Brunei telah menghadiri Persidangan Majlis Perkembangan Industri Asia kali pertama di-Bangkok, Thailand baru2 ini. Rombongan itu di-ketuai oleh Penulong Menteri Pertanian, Yang Berhormat Pengiran Damit bin Pengiran Sunggoh. Dua orang lagi ia-lah Awang Zakaria bin Haji Sulaiman sebagai Wakil serta Setia Usaha Rombongan dan Dr. J.S. Gould sa-bagai Penasehat kapada rombongan itu. Gambar ini di-ambil di-persidangan tersebut. Dudok di-hadapan ia-lah Y.B. Pengiran Damit bin Pengiran Sunggoh (kanan) dan Awang Zakaria bin Haji Sulaiman (kiri). Dr. Gould kelihatan dudok di-belakang di-antara beliau2 tersebut.

## Istiadat Perbarisan Hari Jadi D.Y.M.M. Di-Bandar Brunei

(DARI MUKA 1)

dari-pada-nya telah di-kur-niakan Bintang Kehormatan itu pada tahun 1965 dan empat orang lagi pada tahun ini.

Dua puluh orang telah menerima Pingat Omar Ali Saifuddin. Dua belas orang telah menerima Pingat Omar Ali Saifuddin Darjah Pertama dan delapan orang telah menerima Pingat Omar Ali Saifuddin Darjah Kedua.

Istiadat itu di-tamatkan sa-lepas Duli Yang Maha Mulia menganugerahkan Pingat Jasa Kebaktian kepada 13 orang, termasuk Dayang Barbara Barthoud, Matron di-Rumah Sakit Besar, Brunei.

## PAMERAN GAMBAR2 JABATAN PENYIARAN DAN PENERANGAN

BANDAR BRUNEI. — Bahagian Penggambaran, Jabatan Penyiaran dan Penerangan, Bandar Brunei akan mengadakan Pameran Gambar2 di-Bilek Bachaan, Bandar Brunei sa-lama 3 hari berturut2 mulai 24 hingga 26 September, 1966.

Pameran itu akan di-mulai pada pukul 8 pagi hingga 12 tengah hari dan dari 1.30 petang hingga pukul 10.00 malam, pada tarikh2 yang tersebut.

Pameran itu ada-lah sa-bagai menyambut hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan genap usia yang ke-50 tahun.

Ketua Juru Gambar, Awang Kemaluddin menyatakan bahawa gambar2 yang akan di-pamerkan itu ada-lah merupakan gambar2 berita yang pernah di-muatkan dalam surat2 khabar dan majalah tem-patan dan seberang laut dan pemandangan2 di-sekitar tanah ayer.

Sa-lain dari itu, kata-

### Perlwanan Bola Sepak Sambutan Hari Jadi D.Y.M.M.

BANDAR BRUNEI.—Satu Perlwanan Bola Sepak bagi menyambut Hari Keputeraan D.Y.M.M. Maulana Al-Sultan akan di-adakan di-Padang Besar Bandar Brunei pada jam 4.45 petang hari Sabtu 24 September, 1966.

Dalam perlwanan tersebut, Pasukan Bola Sepak Daerah Brunei akan bertemu dengan Pasukan Bola Sepak Daerah Belait.

nya, gambar2 Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan, terutama sa-kali kegiatan Baginda di-lapan-gan sokan akan juga di-pamerkan.

Orang ramai ada-lah di-persilakan menyaksikan pameran itu di-Bilek Bachaan, tingkat dua bangun-an Ajong, Jalan Roberts, Bandar Brunei.

## Pertandingan Tinju Kejohanan Brunei

BANDAR BRUNEI. — Pertandingan Tinju Kejohanan Sa-Negeri Brunei, sa-bagai satu daripada acha-ra2 sambutan Hari Keputeraan D.Y.M.M. Maulana Al-Sultan akan di-adakan di-Dewan Maktab Sultan Omar Ali Saifuddin, Bandar Brunei pada 29 dan 30 September mulai jam 8 malam.

Tiga perlwanan khas akan di-adakan pada ma-

lam 30 September, ia-itu: (a) Kopral Ahmad Rashid dari A.M.D.B. akan melawan Charles William dari Sabah dalam Bahagian Middleweight. (b) Walter Boyd (Brunei) akan melawan James (Sabah) dalam Bahagian Welterweight dan (c) Kopral Yunus Tuddin dari A.M.D.B. akan melawan Mohamed, Johan Bahagian Flyweight Sibu, Sarawak.

## Sambutan Hari Jadi D.Y.M.M. Di-Tutong

TUTONG. — Persediaan2 telah pun di-selenggarkan untuk menyambut Hari Keputeraan Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan Kali ke-50 di-Daerah Tutong sa-lama sa-minggu mulai pa-da hari Isnin 26 September.

Penulong Menteri Kebajikan dan Pos, Yang Berhormat Pengiran Haji Mohd. Yusof bin Pengiran Limbang akan merasmikan pembukaan perayaan tersebut di-Padang Bukit Bendera, Tutong pada jam 5 petang hari Isnin hadapan.

Istiadat Perbarisan akan di-adakan pada hari Khamis 29 September, mulai jam 8 pagi. Sa-lepas itu akan di-

adakan Perlumbaan Di-Ayer di-Sungai Tutong.

Satu temasha Malam Aneka Warna dan Pasar Gembira akan di-adakan di-Padang Sekolah Melayu Muda Hashim, Tutong pada sa-pjang masa perayaan itu.

### Pengumuman untuk Peserta2 Peraduan Lukisan

BANDAR BRUNEI. — Orang2 yang menghantar Jenis2 Lukisan, Ukiran Patong2 dan Potograp bagi Peraduan Menyambut Hari Keputeraan D.Y.M.M. Maulana Al-Sultan Kali Yang Ke-50, ada-lah di-minta mengambil balek Lukisan2 itu dan sa-bagai-nya di-Dewan P.G.G.M.B., Bangunan Guru2 Melayu Brunei mulai hari Rabu 21 September, 1966 dari jam 7.30 pagi.

## Pengumuman Pegawai Adat Istiadat

BANDAR BRUNEI, — Pegawai Adat Istiadat Ne-geri Brunei mengumumkan bahawa bagi menyambut Perayaan Hari Ulang Ta-hun Keputeraan Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Maulana Al-Sultan Brunei yang ke-50, se-luoh raayat dan penduduk Negeri Brunei ada-lah di-minta mengibarkan (me-naikan) bendera mulai dari 21 September, 1966 hingga 29 September, 1966.

Pengiran2, Pe hin2 dan Orang2 Yang2 bergelar hendak-lah me-naik a n Bendera2 yang di-khaskan. Orang2 ramai hendak-lah menggunakan Bendera Ne-geri Brunei.